

NO. SOALAN: 150

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN (RANAU)

TARIKH : 23 MEI 2016

RUJUKAN : 9030

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian susulan daripada pendedahan YAB Timbalan Perdana Menteri bahawa pengganas Sulu telah melantik " Panglima" di setiap kawasan DUN (Dewan Undangan Negeri Sabah) bagi membentuk semula kesultanan Sulu di negeri Sabah; dan
- (b) pelan jangka panjang Kerajaan bagi menghapuskan ancaman ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), kerajaan memandang serius tindakan mana-mana individu yang cuba untuk menggugat keselamatan negara terutamanya apabila ia dilakukan oleh rakyat tempatan dengan penglibatan pihak luar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pihak polis sedang giat berusaha untuk mengenal pasti individu-individu tertentu di Sabah yang telah dilantik oleh kepimpinan Kesultanan Sulu bagi meneruskan agenda mereka untuk menuntut Sabah dari Malaysia. Sehingga kini, pihak polis telah menahan seramai 6 orang yang terdiri daripada warganegara Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 2 orang adalah bertaraf Panglima manakala selebihnya pengikut biasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, kerajaan dan pasukan keselamatan negara sentiasa mengambil berat dan memandang serius isu keselamatan di Sabah. Langkah-langkah keselamatan yang jitu sentiasa dikemas kini dan kawalan keselamatan sentiasa diperketat oleh setiap agensi yang bertanggungjawab. Sehubungan itu, kerajaan sentiasa mengambil tindakan proaktif melalui strategi berikut:

- (a) Mewujudkan rangkaian kerjasama strategik dengan Kementerian/Agensi Kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara, JPM, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan;**
- (b) Memperkasa ESSCOM dengan penambahan keanggotaan dan aset-aset keselamatan serta meneruskan Arahan Perintah Berkurung;**

- (c) Kawalan dan operasi berterusan di darat dan perairan oleh APMM, PDRM dan ATM;**
- (d) Menyelaraskan serta meningkatkan sistem pengurusan keselamatan negara dalam aspek perisikan, penguatkuasaan dan penglibatan pasukan keselamatan; dan**
- (e) Menyediakan pelan pengurusan krisis sebagai persediaan berhadapan dengan sebarang ancaman penganasan.**

Pada masa sama, beberapa pendekatan turut diambil bagi menambah baik aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:

- (a) Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti penganasan yang berpotensi untuk menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;**
- (b) Kerjasama erat dengan agensi perisikan sahabat bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti seumpama sebelum dipanjangkan kepada agensi-agensi keselamatan untuk tindakan lanjut;**
- (c) Meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan**
- (d) Menjalin kerjasama dengan semua agensi /Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan penganasan.**

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan melindungi keselamatan negara yang dimainkan oleh pihak polis sahaja tidak mampu untuk memastikan keselamatan negara di segenap penjuru. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat serta segenap lapisan masyarakat agar dapat bersama-sama kerajaan memerangi kumpulan pengganas ini. Peranan masyarakat untuk menyalurkan maklumat kepada pihak polis amat diharapkan agar elemen kumpulan pengganas dapat dibendung seterusnya dibanteras oleh kerajaan.